

Philea Resort & Spa anjur Kempen Derma Darah buat kali kelima

AYER KEROH 15 Mei - Philea Resort & Spa menganjurkan kempen derma darah dan ceramah kesihatan bersama Unit Transfusi Darah Melaka dan Pusat Perubatan Klebang di dewan resort itu, baru-baru ini.

Menurut Timban Pengurus Besar resort terbabit, Connie Chin Teo, sejak 2013 pengurusan Philea Resort & Spa

berturut-turut menganjurkan kempen derma.

"Acara ini adalah sebahagian Tanggung-jawab Sosial Korporat (CSR) kami dan akan memastikan ia diteruskan setiap tahun demi memenuhi keperluan tabung darah Negeri Melaka," katanya.

Connie turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pi-

hak terutamanya penaja iaitu Besfomec dan Pusat Perubatan Klebang.

Chef Rizal Mat Noh antara pihak penganjur yang hadir pada kempen derma darah tahunan tersebut.

Lebih 100 penderma darah termasuk pekerja dan kakitangan Philea Resort & Spa hadir menjayakan program.



CONNIE Chin antara pihak pengurusan Philea Resort & Spa yang menderma darah, baru-baru ini.